


**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN  
SIJIL PENGAJIAN AL-QURAN**

**MODUL II**

**TAFSIR AYAT AHKAM II**

**JANUARI 2016**

**MASA : 1 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA PESERTA:**

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 2 halaman bercetak)

**Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja**

**SOALAN 1**

1. Apabila membahaskan mengenai hutang, Surah al-Baqarah ayat 282-283 adalah merupakan contoh dalil yang memaparkan beberapa aspek penting yang wajar difahami.
  - a. Berdasarkan pemahaman daripada ayat di atas, terdapat beberapa isi penting utama yang perlu difahami. Sebutkan isi penting tersebut berdasarkan kefahaman dan olahan anda. Dan sertakan dalil daripada al-Quran atau al-Sunnah yang menyokong jawapan anda. ( 20 Markah )
  - b. Mengapakah isu hutang amat dititikberatkan oleh Islam sehingga disebut berulang kali dalam al-Quran? Nyatakan hikmah dan pandangan anda. ( 5 Markah )

**( 25 Markah)**

**SOALAN 2**

2. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275-281 menjelaskan tentang aspek riba dalam muamalat.
  - a. Berdasarkan ayat di atas sebutkan empat peringkat pengharaman riba. ( 5 Markah )
  - b. Firman Allah yang bermaksud: “...Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu....”.

Berdasarkan maksud ayat al-Quran di atas, mengapakah orang yang mengambil riba dikaitkan dengan syaitan? Dan huraikan kesan terhadap diri, keluarga dan masyarakat apabila terlibat dengan riba. ( 20 Markah )

**( 25 Markah)**

**:: Selamat Menjawab & Semoga Berjaya ::**

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN  
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN**

**MODUL II**

**TAFSIR AYAT AHKAM II**

**OGOS 2016**

**MASA : 1 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA PESERTA:**

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 2 halaman bercetak)

**Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja**

**Soalan Pertama**

Surah Al-Baqarah ayat 282-283 secara umumnya membahasakan tentang isu dan persoalan berkaitan **hutang**.

(1) Berdasarkan ayat di atas, sila nyatakan *asbab al-Nuzul* (sebab-sebab turun) ayat tersebut.

( 5 Markah )

(2) Surah al-Baqarah ayat 282-283 menjelaskan secara terperinci berkaitan hutang, berdasarkan pemahaman *tahlili* sebutkan secara ringkas **DUA BELAS (12)** pecahan utama ayat tersebut.

( 15 Markah )

(3) Apakah implikasi negatif terhadap rohani disebabkan hutang yang tidak disempurnakan? Berikan pandangan anda.

( 5 Markah )

[ 25 Markah ]

**Soalan Kedua**

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275-281 menjelaskan tentang aspek riba dalam muamalat.

(1) Berdasarkan ayat di atas sebutkan empat peringkat pengharaman riba.

( 5 Markah )

Firman Allah yang bermaksud: “...*Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu....*”.

(2) Berdasarkan maksud ayat Al-Quran di atas, mengapakah orang yang mengambil riba dikaitkan dengan syaitan? Dan huraikan kesan terhadap diri, keluarga dan masyarakat apabila terlibat dengan riba.

( 20 Markah )

[ 25 Markah ]

**:: Selamat Menjawab & Semoga Berjaya ::**